

MINIT MESYUARAT 1
UNIT TABUNG WAQAF MASJID BAITTURRAHMAN ALAM SARI

Hari: Rabu
Tarikh: 04 Mac 2020
Masa: 9.15 mlm
Tempat: Surau Al-Amin, Alam Sari
Kehadiran: Lampiran 1

Minit 1.01 **KATA ALU-ALUAN**

Dato' Pengerusi, Tn. Setiausaha dan Ketua Unit Waqaf mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat kali pertama Unit Tabung Waqaf Masjid Baitturrahman, Alam Sari.

Ketua Unit Waqaf telah menerangkan fungsi unit ini kepada semua yang hadir. Beliau juga memaklumkan bahawa akaun bank bagi kutipan unit waqaf telahpun dibuka di **Bank Muamalat** seperti berikut:

Bank: Bank Muamalat Bhd
Nama: Tabung Pembinaan Masjid Baitturrahman
Account No.: 12100001363712

Namun, resit dari Perbadanan Waqaf Selangor (PWS) hanya akan diperolehi apabila wakil2 pemegang resit Baitturrahman hadir pada seminar PWS yang akan dianjurkan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Senarai nama pemegang resit bagi PWS adalah seperti berikut:

1. Hj Mohd Azren Abdul Aziz
2. Saudara Mohd Tariq Mohamed
3. Saudara Muhammad Fadili Mohd Salleh
4. Saudara Hamidul Ghazali Mohamed
5. Hj Jamaludin Abu Bakar

Tindakan: Makluman

Minit 2.01 **MEWUJUDKAN SUB-UNIT DI BAWAH UNIT TABUNG WAQAF**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Tabung Waqaf akan mewujudkan sub-unit atau unit-unit kecil bagi membantu menyelaras dan melicinkan tugas Unit Tabung Waqaf tersebut.

Di antara unit-unit yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:

1. Unit laman Sesawang (Website) dan Publisiti
2. Unit Sumbangan Kariah

3. Unit Rekabentuk Sijil Waqaf, Buku Resit dan Kupon Sumbangan
4. Unit Rekabentuk Bunting, Banner, Brosur dan Stiker Pengiklanan
5. Unit Korporat - Syarikat-syarikat swasta, GLC, Orang Perseorangan
6. Unit Aktiviti dan Ceramah Jemputan
7. Unit Pengeluaran Resit

Tindakan: Makluman

Minit 3.01 **PERLANTIKAN KETUA BAGI SETIAP SUB-UNIT**

1. Unit Laman Sesawang (Website) dan Publisiti
Ketua: Saudara Zarbidi
Ahli: Saudara Arman dan Saudara Anton
2. Unit Sumbangan Kariah
Ketua: Datuk Sayed Jaafar Bin Sayed Ibrahim
Ahli: HJ Azreen dan Pengerusi setiap Fasa
3. Unit Sijil Waqaf, Buku Resit dan Kupon Sumbangan
Ketua: Saudara Hafidz Bin Abdul Kudus
Ahli: Saudara Firdaus
4. Unit Bunting, Banner, Brosur dan Stiker Pengiklanan
Ketua: Saudara Hafidz Bin Abdul Kudus
Ahli: Saudara Firdaus
5. Unit Korporat - Syarikat-syarikat swasta, GLC, Orang Perseorangan
Ketua: Dato' Fadzillah Mohd Salleh
Ahli: Saudara Abdullah, Dr Zamri, Shafie
6. Unit Aktiviti dan Ceramah Jemputan
Ketua: Saudara Arman
Ahli: Setiausaha setiap Fasa
7. Unit Pengeluaran Resit
Ketua: Saudara Mohd Tariq Mohamed
Ahli: Saudara Muhammad Fadili Mohd Salleh

Tindakan: Makluman dan Ketua Sub-Unit

Minit 4.01 **PELANCARAN DAN PERASMIAN TABUNG WAQAF**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Protem Masjid dan Jawatankuasa Surau Al-Amin akan bekerjasama mengadakan Majlis Haflah Al-Quran bersama 4 Qari yang akan dijalankan pada awal bulan April 2020.

Tindakan: Imam Wan Saifuddin

Minit 5.01 **LOGO MASJID DAN KEPALA SURAT (LETTER HEAD)**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa telah ada beberapa gambar (Lampiran 2) yang telah diterima untuk dijadikan sebagai logo masjid dan sekaligus diletakkan di kepala surat masjid.

Walaupun bagaimanapun, pihak Jawatankuasa Protem masjid melalui sub-unit yang telah dilantik di bawah Unit Tabung Waqaf akan menilai semula bagi menambatkan logo tersebut.

Tindakan: Saudara Hafidz Bin Abdul Kudus

Minit 6.01 **LAMAN SESAWANG (WEBSITE) MASJID BAITURRAHMAN ALAM SARI**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa laman sesawang Masjid Baiturrahman Alam Sari telah dibangunkan dan boleh dicapai menerusi alamat www.baiturrahmanalamsari.com

Mesyuarat juga telah bersetuju bahawa laman sesawang tersebut perlu dikemaskini dengan segala maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sumbangan dan pembinaan masjid.

Tindakan: Unit Laman Sesawang dan Publisiti

Minit 7.01 **HAL-HAL LAIN**

1. Mewujudkan tabung kekal untuk Tabung Sumbangan dan Waqaf Masjid di Surau Al-Amin. Antara cadangan yang telah dikemukakan adalah:
 - Membeli satu lagi tabung peti besi untuk kegunaan Masjid.
 - Mengguna pakai tabung yang sedia ada di surau dan kutipan dalam dalam tabung tersebut akan dibahagi mengikut peratusan yang telah dipersetujui. Ahli Kariah mesti terlebih dimaklumkan tentang perkara tersebut.

Perbincangan lanjut tentang cadangan berkaitan perkara tersebut akan dibincangkan oleh pihak Jawatankuasa Protem Masjid dan Jawatankuasa Surau.

Tindakan: JK Protem Masjid

2. Mesyuarat bersetuju alamat di kepala surat Masjid akan menggunakan alamat Surau Al-Amin, Alam Sari.


Tindakan: Makluman

3. Sasaran kutipan dana pembinaan Masjid Baiturrahman Alam Sari dalam tempoh setahun adalah sebanyak RM15 juta.

Tindakan: Makluman

Mesyuarat telah ditangguhkan lebih kurang pada pukul 11 malam dan diakhiri dengan bacaan doa oleh Imam Fadili.

LAMPIRAN 2: CADANGAN LOGO MASJID



1



2



3



4